

# Urus majlis melalui keluarga

Oleh Mahaizura Abd Malik  
mahaizura@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**S**etiap perbelanjaan membabitkan urusan menganjurkan majlis perkahwinan harus dikendalikan atas persetujuan bersama keluarga kedua-dua belah pihak bagi mengelak perkara berbangkit termasuk penipuan.

Menurut Naib Presiden Hal Ehwal Wanita (HELWA) Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Fadhlina Sjiddiq, urusan perkahwinan perlu melalui keluarga bukan diuruskan sendiri oleh bakal mempelai.

"Bakal mempelai terutama wanita harus tahu membezakan terma perkahwinan, dalam Islam contohnya mahar itu adalah wajib dan adat pula ialah hantarnya."

Fadhlina Sjiddiq



**“ Bakal mempelai terutama wanita harus tahu membezakan terma perkahwinan, dalam Islam contohnya mahar itu adalah wajib dan adat pula ialah hantarnya”**

Farah berada di dapur, duduk di meja yang dilapisi dengan plastik. Di hadapannya ada beberapa kotak kemasan kuning yang dipenuhi dengan barang-barang. Ia sedang berbicara tentang persiapan untuk majlis perkahwinan.

“Bakal mempelai terutama wanita harus tahu membezakan terma perkahwinan, dalam Islam contohnya mahar itu adalah wajib dan adat pula ialah hantarnya.”

“Sekiranya bertemu suatu kali kedua belah pihak ke matlamat, ia sepatutnya ia milik individu lain. Sepanjang mengenalinya lam tempoil tentekal.”

“Farah bersama-sama dengan ahli rumah yang dia datuk untuk mendekati perkhidmatan.”

LAPORAN Harian Metro, semalam.

wanita atau belanja kahwin bagi mengelak perbalahan dan penipuan di kemudian hari.

"Biasanya, jika ada ikatan

seperti pertunungan mangsa penipuan boleh menuntut ganti rugi mungkir pertunungan di bawah Undang-undang keluarga Islam, tetapi

jika tidak bertunang adalah susah untuk membawa perkara ini ke muka pengadilan," katanya mengulas impian seorang wanita untuk mendirikan rumah tangga lebur selepas kerugian RM11,000 akibat ditipu kasanova dalam laporan disiaran Harian Metro semalam.

Gadis berusia 24 tahun yang dikenali sebagai Farah itu mengenali lelaki yang menyamar sebagai doktor itu menerusi aplikasi sosial We-Chat pada November lalu dan bersetuju mendirikan rumah tangga beberapa bulan selepas itu.

Bagaimanapun, lelaki berusia 29 tahun itu menghilangkan diri sejak Februari lalu selepas berjaya memperdaya Farah sebanyak RM11,000 kononnya untuk belanja persiapan majlis perkahwinan mereka pada 29 Mei ini.

Sementara itu, Kaunselor Panel sebuah syarikat perunding kaunseling di Nilai, Negeri Sembilan yang juga Perunding Psikologi Universiti Putra Malaysia (UPM) Siti

Fatimah Abdul Ghani berkata, setiap orang perlu mempunyai kemahiran pengurusan diri dan pengetahuan bagi mengelak mudah terperdaya dengan orang yang baru dikenali.

"Dalam kehidupan, kita perlu pastikan kehendak jangan sampai melangkaui keperluan. Perlu diingat, ada perkara akan datang dengan sendiri pada masanya, contohnya kalau nak kahwin perlu ada keyakinan dengan lelaki yang bakal dikahwinini.

"Jangan jadi lurus bundul dan percaya melulu kalau belum kenal latar belakang seseorang itu, sebaliknya berfikiran secara kritis untuk menangani pelbagai situasi seumpama ini.

"Apa yang berlaku kepada Farah ialah satu contoh tidak mahir pengurusan diri dan kurang ketegasan diri di samping desakan dalaman yang perlu teman hidup membuatkan Farah terpedaya dan mudah percaya dengan lelaki sebegitu," kata-